

**PINDAAN PERATURAN
AKADEMIK (EDISI 10)**

BAHAGIAN D
PENDAFTARAN KURSUS

23. Jam Kredit Pendaftaran Kursus

b) Semester Pendek

- i. Pelajar yang berstatus Lulus mestilah mendaftar sekurang-kurangnya 7 jam kredit dan maksimum 10 jam kredit. Pelajar yang berstatus Amaran/Percubaan pada semester sebelum tidak dibenarkan membuat pendaftaran kursus pada semester pendek.

BAHAGIAN F
PINDAH KREDIT

25. Pindah Kredit

- g) Permohonan pindah kredit hanya boleh dimohon sehingga **minggu kedua** pada Semester 1 dan Semester 2 pada tahun pertama pengajian.
- h) Pelajar tahun pertama yang memohon pindah kredit di luar tempoh yang ditetapkan sepertimana para (g) tetapi tidak melebihi minggu keenam akan dikenakan denda sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus) bagi setiap kursus yang dimohon pindah kredit. Fakulti dibenarkan mempertimbangkan permohonan pelajar setelah pelajar membayar denda berkenaan terlebih dahulu tanpa mengira permohonan berkenaan berjaya atau tidak.

BAHAGIAN I

PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

38. A. Peperiksaan Ulangan Khas (ULK)

Minit Senat 4/172/2023

- a) Pelajar tahun akhir pengajian yang memerlukan hanya SATU (1) kursus (tidak termasuk Latihan Industri (LI)) bagi tujuan graduat boleh memohon untuk menduduki Peperiksaan Ulangan Khas (ULK).

38. B. Peperiksaan Ulangan Gred Minimum (ULM)

Minit Senat 4/173/2023

- a) Pelajar tahun akhir yang telah lulus semua kursus yang ditetapkan sebagai syarat bergraduat tetapi gagal mendapat gred minimum untuk bergraduat bagi kursus *English For Occupational Purposes* (EOP) dibenarkan untuk mengambil Peperiksaan Ulangan Gred Minimum (ULM).
- b) Pelajar yang masih gagal mendapat gred minimum kursus EOP selepas menduduki ULM boleh mengulang semula kursus ini dengan taraf Ulang Tingkat Gred (ULT) pada semester berikutnya.

BAHAGIAN K

SISTEM PENGGREDAN

43. Gred Tidak Lengkap (TL)

Minit Senat 6/170/2023

- a) Gred TL boleh dipertimbangkan kepada pelajar yang tidak dapat memenuhi sebahagian daripada keperluan sesuatu kursus yang berbentuk praktikal atau tugas sahaja iaitu;
 - i) Latihan Industri (LI) dengan 12 jam kredit dan ke atas
 - ii) Latihan Industri (LI) yang dijalankan di luar semester
 - iii) Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA)
 - iv) Kerja Lapangan

BAHAGIAN N

PENGIJAZAHAN

54. Kelayakan Bergraduat

Minit Senat 4/173/2023

- a) Pelajar layak bergraduat jika;
- i. Telah mendaftar bagi sesuatu program pengajian dan telah lulus semua kursus yang diwajibkan bagi program itu atau kursus gantian yang setara.
 - ii. Memenuhi semua syarat lain yang ditetapkan bagi program itu.
 - iii. Memperolehi PNGK tidak kurang daripada 2.00.
 - iv. Telah mengikuti Program Survival dan Keselamatan Air.
 - v. Mencapai gred minimum bagi syarat pencapaian Bahasa Inggeris sebagaimana berikut:

Aliran	Syarat Minimum Bahasa Inggeris
Sastera dan Sains Sosial	EOP Gred B- atau MUET Band 3.0
Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)	EOP Gred B atau MUET Band 4.0

** Jika semasa kemasukan pelajar telah mencapai tahap minimum Band MUET untuk bergraduat, pelajar dikira telah memenuhi syarat bergraduat bagi pencapaian tahap MUET.*

Nota : Syarat iv dan v terpakai untuk pelajar Sesi 2023/24 sahaja.

57. Pengkelasan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma

Minit Senat 6/165/2023

- a) Pengkelasan Ijazah Sarjana Muda

Pengkelasan Ijazah Sarjana Muda yang dikeluarkan oleh universiti adalah seperti berikut;

Sesi Kemasukan 2020/2021 dan ke atas

PNGK	Klasifikasi	
	Dalam Bahasa Malaysia	Dalam Bahasa Inggeris
3.67 – 4.00	Kelas Pertama	<i>First Class</i>
2.00 – 3.66	Kepujian	<i>Honours</i>

KETERANGAN GRED DAN SIMBOL

B. KETERANGAN SIMBOL

SIMBOL

ULM

KETERANGAN TERPERINCI

Peperiksaan Ulangan Gred Minimum

Simbol abjad ini diberikan pada taraf kursus yang menunjukkan bahawa peperiksaan kursus *English for Occupational Purposes* (EOP) diduduki oleh pelajar di peringkat akhir pengajiannya untuk bergraduasi, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.